

MANIFESTASI AKAL BUDI DALAM “KUMPULAN PUISI REMAJA CINTA ALLAH” KARYA HILMI RINDU

MANIFESTATION OF AKAL BUDI IN “KUMPULAN PUISI REMAJA CINTA ALLAH” BY HILMI RINDU

Norazita Che Din^{1*}
Amirah Ahmad²
Nurrissammimayantie Ismail³
Sri Qamariah Mohd. Samsir⁴

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: norazita@uitm.edu.my; <https://orcid.org/0000-0003-4093-0977>

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: amirah1275@uitm.edu.my; <https://orcid.org/0000-0002-0886-532X>

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, Malaysia
Email: nurrissa@uitm.edu.my; <https://orcid.org/0009-0007-5058-9131>

⁴Department of Account, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: sriqamariah@uitm.edu.my; <https://orcid.org/0000-0003-0581-5199>

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Che Din, N., Ahmad, A., Ismail, N., & Mohd. Samsir, S. Q. (2026). Manifestasi akal budi dalam "Kumpulan Puisi Remaja Cinta Allah" karya Hilmi Rindu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 136 – 152.

Abstrak: Puisi Melayu bergenre Islamik merupakan wadah penting dalam menzahirkan nilai-nilai peradaban dan ketamadunan Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadith. Kajian ini bertujuan meneroka dan memetakan manifestasi akal budi secara menyeluruh dalam 14 buah puisi bertemakan Cinta Allah daripada “Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah” karya Hilmi Rindu. Berlandaskan kerangka akal budi yang dikemukakan oleh Aminudin Mansor (2012) dan Supyan Hussin (2019), kajian ini menganalisis tujuh elemen utama akal budi yang bersandarkan acuan watan iaitu falsafah, agama, sejarah, pemikiran, budaya, emosi dan gaya hidup yang didasari dengan komponen teras akal, budi dan ilmu. Manifestasi akal budi terserlah menerusi elemen bahasa, bicara, perangai dan akhlak, serta hati dan jiwa seperti yang termaktub dalam kerangka konseptual akal budi kajian. Kajian ini turut diperkukuhkan dengan penganalisisan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1999) khususnya melalui Pengkaedahan Keagamaan yang merangkumi pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni. Pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan diaplikasikan dengan menggunakan matriks analisis sistematik bagi memetakan setiap elemen dalam konsep akal budi merentas keseluruhan puisi yang dikaji. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa kesemua 14 puisi secara konsisten memanifestasikan elemen agama, falsafah dan pemikiran sebagai elemen paling dominan, diikuti oleh emosi, manakala elemen sejarah dan gaya hidup kurang diserlahkan berbanding elemen lain. Kajian ini turut mendapati bahawa puisi-puisi karya Hilmi Rindu berfungsi sebagai wahana pendidikan rohani, cerminan budaya Islam dan medium dakwah kontemporari yang berkesan dalam membentuk peradaban Melayu-Islam. Sumbangan kajian ini terletak pada pembinaan matriks akal budi sebagai

instrumen analisis baharu dalam kajian puisi Islamik, sekaligus memperkaya wacana kesusasteraan Melayu-Islam dalam konteks ketamadunan Islam sejagat.

Kata kunci: *akal budi, kesusasteraan Melayu, ketuhanan, puisi Islamik, Teori Pengkaedahan Melayu*

Abstract: *Islamic-genre Malay poetry serves as a significant medium for expressing the values of Islamic civilisation rooted in the Quran and Sunnah. This study aims to explore and systematically map the manifestation of akal budi across 14 poems themed Cinta Allah (Divine Love of Allah) from the collection of “Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah” by Hilmi Rindu. Grounded in the ‘akal budi’ (local wisdom) framework proposed by Aminudin Mansor (2012) and Supyan Hussin (2019), this study analyses seven core elements of akal budi anchored in the concept of ‘acuan watan’ namely philosophy, religion, history, thought, culture, emotion, and lifestyle which are underpinned by the foundational pillars of akal (intellect), budi (virtue), and ilmu (knowledge). The manifestation of akal budi is further evidenced through the elements of language, speech, conduct and morality, as well as the heart and soul, as outlined in the conceptual framework of akal budi adopted in this study. This study is further reinforced through analysis using the Theory of Malay Methodology (Teori Pengkaedahan Melayu) by Hashim Awang (1999), specifically through the Religious Methodology (Pengkaedahan Keagamaan) encompassing the dakwah, social, and aesthetic approaches. A qualitative approach employing content analysis was applied using a systematic analytical matrix to map each akal budi element across the entire corpus of poems examined. The findings reveal that all 14 poems consistently manifest religion, philosophy and thought as the most dominant elements, followed by emotion, while the elements of history and lifestyle are less prominently expressed in comparison. The study further establishes that Hilmi Rindu's poems function effectively as a medium of spiritual education, a reflection of Islamic culture, and contemporary dakwah in shaping Malay-Islamic civilisation. The contribution of this study lies in the construction of an akal budi matrix as a novel analytical instrument in Islamic poetry studies, thereby enriching Malay-Islamic literary discourse within the broader context of global Islamic civilisation.*

Keywords: *divinity, Islamic poetry, local wisdom, Malay literature, Theory of Malay Methodology*

Pengenalan

Akal budi merupakan teras pemikiran dan jati diri masyarakat yang telah berakar umbi sejak tamadun manusia diciptakan. Istilah Inggeris yang dikaitkan dengan akal budi ialah local wisdom yang bermaksud ilmu pengetahuan yang berakar daripada nilai dan budaya masyarakat tempatan dan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain (Sibarani, 2012). Namun begitu, dalam konteks tamadun Melayu, pemikiran dan jati diri tersebut didasari dengan nilai-nilai dan ajaran agama Islam. Secara konseptual, akal budi menghimpunkan dua dimensi utama keperibadian manusia iaitu ‘akal’ yang merujuk kepada daya fikir, pertimbangan rasional, dan kecerdasan intelektual, serta ‘budi’ yang merujuk kepada kehalusan peribadi, adab sopan, dan kemuliaan akhlak (Aminudin Mansor, 2012). Penyepaduan kedua-dua dimensi ini bukan sekadar gabungan sifat yang abstrak semata-mata, malah mencerminkan sebuah pandangan alam (*worldview*) yang menyeluruh bahawa insan yang sempurna adalah insan yang berakal sekaligus berbudi, dipadukan dengan ilmu yang bersumberkan al-Quran dan hadith. Dengan

kata lain, akal budi adalah konsep jiwa dan pemikiran tamadun Melayu yang menggambarkan tentang konsep manusia yang unggul dari segi ilmu, akhlak dan agamanya.

Manifestasi akal budi merujuk kepada penzahiran nilai pemikiran dan pandangan alam yang terkandung dalam bentuk yang dapat dilihat, dibaca atau dihayati oleh masyarakat (Romlah Ramli, 2013). Dalam konteks kajian ini, manifestasi merujuk kepada cara sesuatu yang abstrak dan ‘dalaman’ diperlihatkan melalui bait-bait rangkap puisi. Perkara yang perlu difahami, manifestasi akal budi bukan dizahirkan secara kebetulan, sebaliknya diungkapkan secara sedar hasil daripada sistem nilai, kepercayaan dan pemikiran yang telah tertanam dalam diri penutur atau pengarang (Khafizatunnisa’ Jaapar et al., 2023). Pengkajian terhadap manifestasi akal budi dalam teks sastra bukan sekadar analisis estetika seni atau gaya bahasa, tetapi merupakan penelitian terhadap bagaimana sesebuah bangsa menzahirkan identiti, falsafah, dan pandangan alamnya melalui bahasa.

Teks sastra telah lama diiktiraf sebagai salah satu medium paling berkesan dalam memanifestasikan akal budi sesebuah bangsa kerana menghubungkan pemikiran dan kepengarangan karya tersebut (Kartini Anwar, 2008). Dalam tradisi sastra Islam, sesuatu karya bukan sekadar hiburan atau ekspresi seni, tetapi merupakan suatu wadah yang menggambarkan komitmen nilai yang terbentuk secara langsung dengan gaya bahasa yang terhasil (Mohd Taufiq Abd. Talib et al., 2025). Salah satu teks sastra yang menjadi wadah pembentukan nilai ialah puisi. Puisi Melayu bergenre Islamik telah sekian lama menjadi medium utama dalam penyampaian nilai-nilai keagamaan, nasihat dan pengajaran yang berpaksikan ajaran Islam. Nurul Hilwany Che Shaffine (2015) menjelaskan bahawa puisi merupakan salah satu alat penyalur falsafah manusia terutamanya dalam menyampaikan panduan dan pedoman dalam kehidupan seharian. Dalam konteks masyarakat Melayu, puisi bukan sekadar wadah estetika, tetapi berfungsi sebagai saluran dakwah dan refleksi jiwa yang mendalam. Tema-tema seperti keinsafan, pengharapan, ketakwaan, dan ketuhanan sering diangkat dalam sesebuah karya puisi yang menandakan keterikatan sastra Melayu dengan tradisi ilmu dan akhlak Islam. Sastra yang mendukung prinsip dan penghayatan falsafah dalam tamadun Islam menzahirkan ciri al-adab al multazim, iaitu sastra yang beriltizam terhadap pandangan yang menyeluruh, akidah dan nilai-nilai moral keagamaan (Siddiq Fadzil, 2012). Salah satu tema penting yang berakar dalam puisi Islamik ialah tema Cinta Allah, yang menggambarkan hubungan spiritual manusia dengan Maha Pencipta, penuh dengan rasa rindu, pengharapan, ketakutan, dan kepatuhan.

Tema ‘Cinta Allah’ bukan sekadar digambarkan secara langsung, tetapi sering dizahirkan melalui penggunaan metafora dan perlambangan yang sarat dengan makna falsafah dan kerohanian. Perasaan cinta ini dilihat sebagai manifestasi tertinggi kerinduan insan terhadap Yang Maha Esa, yang digarap menerusi kehalusan bahasa. Zaiton Ajmain (1990) (dlm. Mohd Daud. Ibrahim, 2015) menjelaskan konsep ‘Cinta Allah’ merupakan percikan daripada rasa rindu dan kasih hamba-Nya, kecintaan kepada Tuhan, mahabbah (rasa kasih) kepada-Nya yang merupakan suatu darjat tertinggi yang hanya dapat dicapai oleh keikhlasan dan kemajuan rohani insan melalui taubat, penyesalan, sabar, taat serta amal kebajikan lain sebagai langkah permulaan ke arah pengabdian cinta. Di samping itu, konsep ‘Cinta Allah’ juga dapat diteliti menerusi terjemahan daripada surah Ali ‘Imran ayat 31 yang mengatakan bahawa: *Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha*

Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”¹ Dapat disimpulkan bahawa ‘Cinta Allah’ merupakan suatu perasaan yang benar-benar mencintai Allah melebihi dari segala-galanya yang tercermin menerusi amal ibadah kepada-Nya serta melakukan perkara yang diperintah dan memasakkan pada jiwa dan sanubari bahawa diri merupakan hamba kepada Allah Yang Esa.

Berdasarkan kerangka pemikiran tersebut, kajian ini memberi tumpuan kepada manifestasi akal budi dalam *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah* karya Hilmi Rindu. Karya ini merupakan sebuah koleksi puisi bergenre Islamik yang dikarang khusus untuk pembaca muda. Koleksi ini dipilih kerana keunikannya sebagai teks sastera remaja yang secara eksplisit menzahirkan dimensi akal budi Melayu-Islam melalui ungkapan tema ‘Cinta Allah’ yang merangkumi pelbagai lapisan makna, nilai dan falsafah untuk diteliti. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen akal budi berdasarkan kerangka konsep akal budi (Aminudin Mansor, 2012; Supyan Hussin, 2019); menganalisis manifestasi akal budi berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1999); dan membincangkan tema ‘Cinta Allah’ sebagai dimensi utama yang menzahirkan manifestasi akal budi Melayu-Islam dalam kumpulan puisi tersebut.

Sorotan Literatur

Teks kesusasteraan Melayu tradisional yang berlandaskan kerangka pemikiran Islam sudah lama wujud dalam alam nusantara. Antara karya yang tersohor ialah *Gurindam Dua Belas* nukilan Raja Ali Haji yang menekankan lima komponen asas, iaitu agama, ilmu, akal, malu dan bahasa (Ilhami Rusyda Zamadi et al., 2024). Keunggulan karya-karya sedemikian memperlihatkan bahawa puisi Melayu bergenre Islamik sememangnya telah lama menjadi tumpuan penelitian para sarjana dalam bidang bahasa, sastera dan linguistik. Namun begitu, kebanyakannya cenderung memberi penekanan kepada unsur-unsur konvensional seperti bentuk, gaya bahasa, dan aspek sejarah kesusasteraan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang memfokus konsep kecintaan kepada Maha Pencipta seperti kajian Mohd. Daud Ibrahim (2015) yang meneliti konsep ‘Cinta kepada Ilahi’ dalam puisi-puisi karya Darma Mohamad menerusi pendekatan mahbub-asyik. konsep mendekati Allah melalui jalan-jalan sufi dan kerohanian, serta konsep kehambaan (ubudiyah) bersandarkan Teori Konseptual Kata Kunci yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005). Ungkapan-ungkapan berunsurkan kecintaan kepada Ilahi diperlihatkan menerusi penggunaan leksikal berunsurkan ‘cinta’ dan ‘Ilahi’ bertepatan dengan kerangka teori yang diaplikasikan. Dapatan seumpama ini dapat dikaitkan dengan ‘akal budi’ dalam memanifestasikan konsep ‘Cinta Allah’. Hal ini kerana, penghayatan terhadap makna mendalam yang bersumberkan falsafah kehidupan dan pemikiran rohani harus diberi perhatian khususnya dari sudut pendekatan akal budi. Pendekatan ini menekankan kesatuan antara akal, budi dan ilmu dalam memahami teks sastera; dengan melihat puisi bukan semata-mata sebagai cerminan emosi atau ekspresi seni, tetapi juga sebagai wahana peradaban yang sarat dengan nilai dan hikmah (Aminudin Mansor, 2012).

Tambahan pula, kajian manifestasi akal budi dalam teks kesusasteraan bukanlah sesuatu yang baharu dalam kerangka pemikiran manusia. Hal ini kerana, ilmu dan peradaban yang terkandung dalam teks sastera dapat memupuk kesedaran insan dalam melaksanakan amanah dan fungsi yang dipertanggungjawabkan di atas bumi iaitu sebagai hamba-Nya seperti yang difirmankan Allah dalam surah Adz-Dzariyat ayat 56, tafsirnya: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-

¹ Tafsir Surah Ali ‘Imran (3:31) <https://quran.com/>

*Ku*²; dan sebagai khalifah seperti yang difirmankan Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 30, tafsirnya: *"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi"*³. Pernyataan ini telah disokong dengan pandangan Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2016) yang menjelaskan bahawa penghayatan terhadap ilmu yang didukung dalam teks kesusasteraan Melayu tradisional berperanan membentuk manusia untuk menunaikan kewajipan sebagai hamba dan khalifah di muka bumi Allah. Malah, teks kesusasteraan yang mengandungi ilmu pengenalan berasaskan al-Quran dan as-Sunnah berperanan untuk menyingkap rahsia kewujudan dan hakikat kehidupan seorang manusia.


Selain itu, kajian akal budi dalam teks kesusasteraan Melayu juga telah dilaksanakan dari pelbagai perspektif dengan memanfaatkan pelbagai sumber. Antara sumber kesusasteraan yang diteliti adalah seperti cerita rakyat (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2023); pantun dan sajak (Aminudin Mansor, 2012; Norazimah Zakaria et al., 2017); lirik lagu (Hairul Anuar Harun & Mohd. Azam Sulong, 2023); peribahasa (Abang Patdeli Abang Muhi, 2018; Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet, 2019); dan mantera Melayu (Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid, 2015). Namun begitu, kajian dalam puisi bergenre Islamik yang mengetengahkan konsep kecintaan terhadap Maha Pencipta agak terhad diteliti menerusi pendekatan akal budi ini. Jurang antara analisis bentuk dan penghayatan nilai secara falsafah menyebabkan wacana puisi Islamik seolah-olah terputus dari akar budaya ilmu dan ketuhanan yang membentuknya. Tambahan pula, kajian akal budi ini sedikit berbeza kerana meneliti karya puisi moden yang diciptakan khusus untuk golongan remaja sebagai salah satu pendekatan dakwah oleh pengkaryanya. Karya sastera moden seperti kumpulan puisi nukilan Hilmi Rindu yang sarat dengan mesej kerohanian masih kurang dikaji secara ilmiah dalam kerangka akal budi. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti manifestasi akal budi dalam puisi karya Hilmi Rindu berdasarkan konsep akal budi yang dikemukakan oleh Aminudin Mansor (2012) dan Supyan Hussin (2019).

Konsep Akal Budi

dalam kerangka konsep kajian ini, kedua-dua perkataan tersebut tidak boleh didefinisikan secara berasingan. Supyan Hussin (2019) menjelaskan bahawa kerangka akal budi terbentuk daripada tujuh elemen penting (ketara dan tidak ketara) yang mempunyai nilai-nilai tersendiri dan saling melengkapi. Enam elemen konsep akal budi adalah tidak ketara iaitu falsafah, agama, sejarah, pemikiran, emosi, budaya; manakala elemen gaya hidup adalah ketara dilihat menerusi cara hidup, hubungan sesama manusia, alam dan Tuhan. Supyan Hussin (2019) menjelaskan pembentukan konsep akal budi adalah bersandarkan acuan watan yang didasari dengan falsafah, agama dan sejarah persekitaran alam Melayu. Namun begitu, kajian ini megolah konsep acuan watan tersebut dengan konsep ilmu yang berteraskan al-Quran dan hadith seperti yang dikemukakan oleh Aminudin Mansor (2012). Oleh itu, gabungan kedua-dua konsep akal budi tersebut dapat diserlahkan menerusi Rajah 1 berikut.

² Tafsir Surah Adz-Dzariyat (51:56) <https://quran.com/>

³ Tafsir Surah Al-Baqarah (2:30) <https://quran.com/>




Rajah 1: Pendekatan Akal Budi Berteraskan Al-Quran dan Hadith

Sumber: Diadaptasi daripada Aminudin Mansor (2012) dan Supyan Hussin (2019)

Rajah 1 tersebut menggambarkan konsep akal budi manusia yang diberikan oleh Allah untuk berfikir. Sumber daya fikir tersebut adalah bersandarkan al-Quran dan hadith. Aminudin Mansor (2012) menjelaskan bahawa al-Quran mengasuh, mengasah dan membawa dimensi ilmu yang lebih luas untuk akal berfikir. Al-Quran dan hadith memandu gaya hidup dan jalan berfikir manusia ke arah kebaikan yang tercermin menerusi bahasa, bicara, perangai dan akhlak, malah hati dan jiwa. Oleh itu, kerangka konsep akal budi oleh Supyan Hussin (2019) sebelum ini akan diperkukuh dengan teras *akal*, *budi* dan *ilmu* yang dikemukakan oleh Aminudin Mansor (2012). Ketujuh-tujuh elemen dalam akal budi tersebut dibentuk bersandarkan al-Quran dan hadith dalam konteks kajian ini bagi memperlihatkan manifestasi akal budi dalam puisi bergenre Islamik yang bertemakan ‘Cinta Allah’.

Teori Pengkaedahan Melayu

Bagi memperkukuh kerangka epistemologi kajian, kajian ini mendukung Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1999) yang memartabatkan kaedah analisis sastera berteraskan worldview dan sistem nilai Melayu-Islam. Dalam teori ini, dua bentuk pendekatan utama diketengahkan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Agama. Kajian ini memfokuskan kepada Pengkaedahan Agama, khususnya melalui tiga pendekatan utama iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan, dan Pendekatan Seni (Rujuk Rajah 2). Hal ini bertepatan dengan konteks kajian ini yang memfokuskan puisi bergenre Islamik. Melalui pendekatan ini, puisi tidak ditanggapi sebagai karya estetika semata-mata, tetapi diinterpretasi berdasarkan kepada keimanan yang bersandarkan akidah agama Islam.



Rajah 2: Teori Pengkaedahan Melayu

Sumber: Hashim Awang (1999)

Hashim Awang (1999) menjelaskan bahawa, pengkaedahan keagamaan terdiri daripada tiga pendekatan iaitu:

- Pendekatan dakwah** yang melihat sastra sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah;
- Pendekatan kemasyarakatan** yang melihat sastra sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berakar kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam; dan
- Pendekatan seni** yang menjadikan unsur keindahan dalam sastra sebagai persoalan pokok yang terbatas kepada nilai-nilai etika Islam.

Pendekatan ini menekankan ketiga-tiga teras tersebut dalam mentafsir puisi Melayu bergenre Islamik melalui penilaian secara holistik terhadap mesej kerohanian yang dizahirkan menerusi lambang, citra, emosi dan gaya bahasa pengarang. Penerapan kerangka konsep akal budi sebagai instrumen tafsiran dalam kajian ini dapat memperlihatkan manifestasi tema 'Cinta Allah' yang terkandung dalam puisi yang dikaji berdasarkan nilai dan ajaran Islam secara mendalam iaitu al-Quran dan hadith.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang bersifat interpretif melalui kaedah analisis kandungan sebagai kaedah kajian. Pendekatan yang dipilih ini adalah bersesuaian untuk memahami, meneliti, menghurai dan mentafsir makna tersirat dalam teks puisi secara mendalam (Creswell, 2009), khususnya dalam memahami gagasan kerohanian dan falsafah Islam yang terungkap dalam puisi. Dalam konteks ini, pendekatan kajian tertakluk kepada paradigma interpretivisme yang mengiktiraf bahawa makna dalam sesebuah teks sastra adalah terbina secara sosial dan budaya, dan memerlukan pentafsiran yang teliti berdasarkan konteks penciptaan serta nilai-nilai yang mendasarinya (Denzin & Lincoln, 2011). Reka bentuk kajian ini secara khusus menggunakan kaedah analisis kandungan, iaitu satu kaedah penyelidikan yang meneliti teks secara terperinci bagi mendedahkan makna tersurat dan tersirat, nilai-nilai, ideologi, serta pandangan alam yang terkandung di dalamnya. Kaedah analisis kandungan secara sistematik membantu dalam proses pengenalanpastian dan pentafsiran manifestasi akal budi yang menyerlahkan tema 'Cinta Allah' dalam kumpulan puisi kajian.

Sumber data kajian diperoleh daripada himpunan 50 puisi dalam *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah* karya Hilmi Rindu yang bertemakan Cinta Allah, Muhammad Nabiku dan Pintu Pagi. Namun, kajian ini hanya terbatas kepada 14 buah puisi dalam tema Cinta Allah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut. Semua 14 buah puisi dipilih sebagai data kajian

berdasarkan persampelan bertujuan, kerana puisi-puisi berikut terkandung di bawah tema kajian ini.

Jadual 1: Senarai Puisi Tema Cinta Allah dalam *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah*

PUISI	TAJUK PUISI
P1	Allah Maha Pemurah
P2	Allah Menjadikan Kita
P3	Allah Memberi kepada Kita (1)
P4	Allah Memberi kepada Kita (2)
P5	Allah Maha Pencipta
P6	Maha Suci Allah
P7	Allah Amat Tahu
P8	Sifat-sifat Allah
P9	Mustahil bagi Allah
P10	Harus bagi Allah
P11	Allah Memberi Pilihan kepada Kita
P12	99 Nama Allah
P13	Menjaga Hak Allah
P14	Allah Perintah Kita

Sumber: Hilmi Rindu (2015)

Setiap puisi dilabelkan daripada P1 hingga P14 mengikut tajuk puisi, kemudian analisis dilakukan baris demi baris (B) dalam rangkap puisi tersebut. Penelitian dan perbincangan manifestasi akal budi dalam puisi adalah berdasarkan kombinasi Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1999) dan konsep akal budi (Aminudin Mansor, 2012; Supyan Hussin, 2019). Seterusnya, setiap elemen akal budi yang dikenal pasti dalam setiap puisi ditandakan bagi meneliti pamanifestasian akal budi dalam setiap baris dan rangkap puisi. Kaedah kajian yang diterapkan dalam penyelidikan ini secara tidak langsung memperlihatkan dimensi baharu dalam penganalisan teks sastera Islam khususnya puisi yang lebih bersifat menyeluruh, kontekstual dan berpaksikan nilai-nilai peradaban Melayu-Islam.

Dapatan Kajian

Berikut merupakan dapatan dan perbincangan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Setiap puisi telah dikenal pasti elemen akal budi yang terkandung dalam baris dan rangkap puisi. Jadual 2 berikut menunjukkan elemen akal budi yang terdapat dalam puisi tema 'Cinta Allah' dalam *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah* karya Hilmi Rindu.

Jadual 2: Elemen Akal Budi dalam *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah*

Puisi	Tajuk	Falsafah	Agama	Sejarah	Pemikiran	Emosi	Budaya	Gaya Hidup
P1	Allah Maha Pemurah	✓	✓	-	✓	✓	-	✓
P2	Allah Menjadikan Kita	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
P3	Allah Memberi kepada Kita (1)	✓	✓	-	✓	-	✓	✓
P4	Allah Memberi kepada Kita (2)	✓	✓	-	✓	✓	-	✓

P5	Allah Maha Pencipta	✓	✓	-	✓	✓	-	-
P6	Maha Suci Allah	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓
P7	Allah Amat Tahu	✓	✓	-	✓	✓	-	✓
P8	Sifat-sifat Allah	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓
P9	Mustahil bagi Allah	✓	✓	-	✓	✓	-	-
P10	Harus bagi Allah	✓	✓	-	✓	✓	-	✓
P11	Allah Memberi Pilihan kepada Kita	✓	✓	-	✓	✓	-	✓
P12	99 Nama Allah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
P13	Menjaga Hak Allah	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓
P14	Allah Perintah Kita	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓

Jadual 2 tersebut menunjukkan bahawa elemen Agama, Falsafah, dan Pemikiran merupakan elemen akal budi yang paling dominan, kerana tergambar dalam keempat-empat belas puisi tema 'Cinta Allah'. Kehadiran menyeluruh elemen Agama ini selari dengan fungsi utama puisi yang dikaji iaitu sebagai teks tarbiyah dan dakwah Islamik kerana secara eksplisitnya, setiap puisi menzahirkan nilai akidah, ibadah, dan pandangan nilai Islam. Antaranya dapat dilihat menerusi P8 (Sifat-sifat Allah), yang secara zahir memberi pendedahan tentang sifat wajib bagi Allah SWT menerusi B4-B6: *"Kita wajib tahu, sekurang-kurangnya, 20 sifat Allah"*. Seterusnya dari B7 hingga B35, sifat-sifat wajib bagi Allah disenaraikan satu persatu dengan disertakan maknanya. Petikan dalam P8 (Sifat-sifat Allah) ini telah menzahirkan elemen Agama melalui kewajipan ilmu kalam, dan ditafsirkan menerusi elemen Falsafah dengan persoalan tentang 'hakikat ketuhanan'. Elemen Pemikiran pula terserlah melalui huraian sistematik sifat-sifat Allah yang menuntut pembaca berfikir secara teratur dan analitikal. Kehadiran serentak ketiga-tiga elemen ini dalam satu puisi mencerminkan integrasi antara **akal, budi, dan ilmu** berpandukan al-Quran dan hadith yang merupakan teras kepada konsep akal budi menurut Aminudin Mansor (2012). Dapatan ini menunjukkan bahawa insan yang berakal adalah insan yang berfikir, beriman, dan berilmu dengan perkara yang dipelajarinya.

Analisis dalam P7 (Allah Amat Tahu) juga memperlihatkan ketiga-tiga elemen akal budi diintegrasikan secara tuntas menerusi B9-B11: *"Ada ilmu, yang kita tidak alim, tetapi Allah alim"* dan disempurnakan pada dua baris terakhir P7 ini: *"apa yang ada, di dalam hati kita"*. Elemen Falsafah terzahir melalui persoalan epistemologi Islam tentang had ilmu manusia berbanding kemutlakan ilmu Allah. Elemen Pemikiran pula terserlah melalui struktur lapisan yang membandingkan keterbatasan manusia dengan keluasan pengetahuan Allah. Sementara itu, elemen Agama hadir melalui konsep muraqabah iaitu kesedaran bahawa Allah sentiasa mengetahui isi hati manusia. Gabungan ketiga-tiga elemen ini membuktikan bahawa puisi ini bukan sekadar puisi dakwah yang mudah, tetapi merupakan teks yang menzahirkan akal budi Melayu-Islam pada lapisan yang sangat mendalam.

Dapatan kajian juga turut mengenal pasti dua puisi yang mengandungi ketujuh-tujuh elemen akal budi iaitu P2 (Allah Menjadikan Kita) dan P12 (99 Nama Allah). Jadual 3 berikut merupakan penelitian terhadap P2 (Allah Menjadikan Kita) yang memperlihatkan ketujuh-tujuh

elemen akal budi dan dimanifestasikan secara zahir berdasarkan konsep akal budi (Aminudin Mansor, 2012; Supyan Hussin, 2019).

Jadual 3: Elemen Akal Budi dalam P2 (Allah Menjadikan Kita)

Elemen	Petikan	Manifestasi Akal Budi
Falsafah	<i>Sebaik-baik kejadian</i> (B6)	Falsafah kemuliaan manusia sebagai makhluk paling sempurna
Agama	<i>...berbakti... (B7)</i> <i>kepada Allah Yang Maha Esa. (B9)</i>	Konsep khalifah dan tauhid sebagai tujuan kejadian manusia
Sejarah	<i>daripada air dan tanah. (B2)</i>	Merujuk kepada kisah penciptaan Nabi Adam A.S sebagai sandaran sejarah Islam
Pemikiran	<i>untuk berbakti kepada alam (B7)</i> <i>kepada manusia (B8)</i>	Mengajak berfikir tentang tujuan dan tanggungjawab kejadian manusia
Emosi	<i>daripada rahim dan kasih ibu. (B4)</i>	Ungkapan emosi kasih sayang ibu sebagai manifestasi kasih Allah
Budaya	<i>... kasih ibu. (B4)</i>	Nilai penghargaan terhadap ibu merupakan teras budaya Melayu-Islam
Gaya Hidup	<i>untuk berbakti kepada alam (B7)</i> <i>kepada manusia (B8)</i>	Gaya hidup khalifah yang aktif berbakti kepada semua peringkat kehidupan

Jadual 3 tersebut telah menunjukkan bahawa P2 (Allah Menjadikan Kita) merupakan salah satu puisi yang paling lengkap memanifestasikan ketujuh-tujuh elemen akal budi (Supyan Hussin, 2019) dalam setiap barisnya secara serentak. Dapatan ini menunjukkan keistimewaan P2 sebagai teks yang paling holistik dalam memaparkan *worldview* Melayu-Islam, kerana telah menyentuh elemen falsafah, agama, sejarah, pemikiran, emosi, budaya, dan gaya hidup dalam sebuah puisi yang ringkas namun sarat dengan makna. Kepadatan makna ini selari dengan pandangan Aminudin Mansor (2012) bahawa akal budi yang unggul menyepadukan akal, budi, dan ilmu dalam satu pamanifestasian yang utuh. Keutuhan ketujuh-tujuh elemen akal budi tersebut diperkukuhkan menerusi penzahiran ungkapan berdasarkan Teori Pengkacaan Melayu (Hashim Awang, 1999) seperti dalam perbincangan Jadual 4 berikut.

Jadual 4: Pengkacaan Keagamaan dalam P2 (Allah Menjadikan Kita)

Pendekatan Dakwah	Pendekatan Kemasyarakatan	Pendekatan Seni
<i>Allah menjadikan kita (B1)</i>		
<i>daripada air dan tanah. (B2)</i>		
Mengingatkan asal usul kejadian manusia menerusi dalil: “Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah ...” (Surah al-Mu'minin, 23:12)	Mendidik masyarakat bahawa semua manusia setara dari segi asal kejadian.	Ungkapan 'air dan tanah' membawa makna simbolik kerendahan yang indah.
<i>Allah menjadikan kita (B3)</i>		

daripada rahim dan kasih ibu. (B4)

Menghargai peranan ibu dan perintah mentaati ibu bapa menerusi dalil: “... dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa...” (Surah al-Isra, 17:23)	Menanam nilai keluarga dan penghargaan kepada ibu dalam masyarakat.	'Rahim dan kasih ibu' menggambarkan bahasa yang menyentuh emosi dengan kehalusan makna.
--	---	---

Allah menjadikan kita (B5)

Sebaik-baik kejadian (B6)

untuk berbakti kepada alam (B7)

kepada manusia (B8)

kepada Allah Yang Maha Esa. (B9)

Menyeru amanah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi seperti dalil: “...Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...” (Surah al-Baqarah, 2:30)	Tanggungjawab sosial yang menyeluruh: alam, manusia, dan Pencipta.	Struktur tiga lapis alam → manusia → Allah membina klimaks yang bermakna dan kuat.
---	--	--

Penelitian terhadap kesemua sembilan baris puisi yang ringkas, namun padat dengan makna dalam P2 (Allah Menjadikan Kita) menunjukkan pemanifestasian konsep akal budi secara menyeluruh yang sejajar dengan pandangan Aminudin Mansor (2012). Kepadatan makna puisi ini menunjukkan manifestasi akal budi yang sempurna melalui penyatuan akal, budi, dan ilmu dalam satu puisi yang utuh, manakala ciri al-adab al-multazim yang dihuraikan oleh Siddiq Fadzil (2012) turut terzahir melalui kesepaduan nilai estetika serta komitmen terhadap akidah dan moral keagamaan dalam puisi ini.

B1 dan B2 menerusi “*Allah menjadikan kita, daripada air dan tanah*”, berfungsi sebagai asas kepada keseluruhan puisi dengan meletakkan manusia dalam konteks asal-usul kejadiannya. Dari sudut pendekatan dakwah, kedua-dua baris ini mengingatkan manusia tentang asal kejadian manusia yang rendah dan hina berdasarkan firman Allah: “*Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah...*” (Surah al-Mu'minun, 23:12). Fungsi dakwah di sini adalah untuk menanamkan kerendahan diri dan menolak sifat takabbur melalui peringatan tentang asal kejadian yang bersumberkan wahyu. Dari perspektif pendekatan kemasyarakatan pula, B1 dan B2 telah mendidik masyarakat tentang kesetaraan manusia iaitu semua manusia, tanpa mengira latar belakang, berasal daripada bahan yang sama, iaitu air dan tanah. Nilai kesetaraan ini penting dalam pembentukan masyarakat yang adil dan saksama. Manakala dari segi pendekatan seni, ungkapan “air dan tanah” bukan sekadar ungkapan literal tentang sifat bahan kejadian manusia, tetapi membawa makna simbolik yang mendalam tentang kerendahan dan kehambaan. Keindahan simbolik ini memperlihatkan elemen **falsafah** dan **pemikiran** yang mendalam tentang hakikat manusia dan kedudukannya di hadapan Allah, serta elemen **sejarah** melalui rujukan tersirat kepada kisah penciptaan Nabi Adam A.S sebagai permulaan sejarah manusia pertama yang menjadi sandaran kepada umat Islam sejagat.

B3 dan B4 menerusi “*Allah menjadikan kita, daripada rahim dan kasih ibu*”, telah menggerakkan puisi ini daripada dimensi kosmologi kepada dimensi kemanusiaan yang paling

intim. Dari sudut pendekatan dakwah, rangkap ini memperluas fungsi seruan dengan merujuk kepada perintah berbuat baik kepada ibu bapa yang selaras dengan firman Allah: “... *dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa ...*” (Surah al-Isra', 17:23). Perintah ini meletakkan penghargaan terhadap ibu bukan sekadar nilai budaya semata-mata, tetapi tuntutan agama yang bersandarkan wahyu. Kesepaduan antara pendekatan dakwah dan elemen **agama** terserlah apabila kedua-duanya bergerak seiring dalam menegaskan bahawa kasih sayang kepada ibu adalah manifestasi ketaatan kepada Allah. Dari sudut pendekatan kemasyarakatan, kedua-dua baris ini memupuk nilai institusi kekeluargaan sebagai asas pembinaan masyarakat yang kukuh, manakala elemen **budaya** dizahirkan melalui nilai penghargaan terhadap kasih ibu yang merupakan teras tradisi Melayu-Islam. Dari sudut pendekatan seni pula, B3 dan B4 ini menampilkan keindahan bahasa yang paling halus dalam keseluruhan puisi apabila menggabungkan dua perkataan iaitu ‘rahim’ dan ‘kasih’ dalam pembinaan imej kasih sayang yang lembut, tulus, dan tanpa syarat. Simboliknya, perkataan rahim berkongsi kata akar dengan ar-Rahman iaitu salah satu nama Allah, bermaksud Yang Maha Pengasih. Hal ini menjadikan kasih ibu dalam puisi ini secara tidak langsung merupakan pantulan sifat kasih Allah kepada manusia. Keindahan intertekstualiti dalam baris ini menyerlahkan elemen **emosi**, iaitu perasaan kasih sayang yang mendalam sebagai manifestasi spiritual yang menghubungkan hamba dengan Maha Penciptanya melalui sifat manusiawi.

Lima baris dalam rangkap terakhir puisi ini iaitu, “*Allah menjadikan kita, Sebaik-baik kejadian, untuk berbakti kepada alam, kepada manusia, kepada Allah Yang Maha Esa*”, merupakan kemuncak keseluruhan nilai puisi ini yang menyatukan semua dimensi analisis dalam satu pernyataan yang padat dan bermakna. Dari sudut pendekatan dakwah, rangkap ini menyeru amanah manusia sebagai khalifah secara langsung berdasarkan firman Allah: “...*Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...*” (Surah al-Baqarah, 2:30). Sandaran daripada dalil al-Quran yang konsisten sepanjang puisi ini membuktikan fungsi dakwah yang berautoriti, dan mesej yang disampaikan bukan bersumberkan dalil aqli manusia semata-mata, tetapi berpaksi kepada wahyu Allah. Elemen **agama** dan **falsafah** digambarkan secara serentak dalam rangkap ini menerusi petikan “*Sebaik-baik kejadian*” iaitu pernyataan falsafah tentang kemuliaan manusia, manakala “*berbakti... kepada Allah Yang Maha Esa*”, menegaskan tujuan agama yang menjadi matlamat tertinggi kejadian manusia. Dari perspektif pendekatan kemasyarakatan, rangkap ini membina tanggungjawab pada skala yang paling besar apabila manusia bertanggungjawab bukan sahaja terhadap keluarga, tetapi juga terhadap alam sekitar dan keseluruhan umat manusia. Tanggungjawab yang menyeluruh ini turut menyerlahkan elemen pemikiran, kerana pembaca diajak berfikir secara hierarki tentang lingkaran tanggungjawab manusia, bermula daripada yang paling konkrit hinggalah kepada yang paling agung. Elemen **gaya hidup** pula terzahir melalui seruan “*berbakti kepada alam, kepada manusia*” yang menetapkan gaya hidup khalifah sebagai cara hidup yang dikehendaki Allah. Dari sudut pendekatan seni, kemuncak keindahan estetika terzahir melalui struktur tiga lapis yang membina klimaks secara berperingkat (alam → manusia → Allah):

untuk berbakti kepada alam
kepada manusia
kepada Allah Yang Maha Esa

Teknik klimaks yang tersusun rapi ini bukan sahaja indah secara estetika, tetapi turut menzahirkan pemikiran yang teratur dan bersistematik tentang hierarki tanggungjawab manusia sekaligus mencerminkan integrasi elemen falsafah, pemikiran, dan gaya hidup dalam kerangka akal budi berteraskan *worldview* ajaran Islam. Rumusannya, analisis bersepadu terhadap P2 (Allah Menjadikan Kita) ini membuktikan bahawa kedua-dua kerangka dan teori ini saling

memperkukuhkan penghuraian manifestasi akal budi dalam teks kajian. Pendekatan dakwah, kemasyarakatan, dan seni dalam Teori Pengkaedahan Keagamaan berfungsi sebagai lapisan makro yang menjelaskan peranan dan fungsi puisi sebagai teks sastra Islamik, manakala tujuh elemen akal budi berfungsi sebagai lapisan mikro yang mengenal pasti secara spesifik nilai-nilai dan dimensi *worldview* yang terkandung dalam setiap ungkapan puisi berteraskan al-Quran dan hadith. Gabungan kedua-dua lapisan analisis ini memperlihatkan bahawa kumpulan puisi yang dikaji berjaya menzahirkan ciri al-adab al-multazim (Siddiq Fadzil, 2012). Dengan kata lain, karya Hilmi Rindu telah menyatukan keindahan seni dengan kedalaman akidah, falsafah, dan tanggungjawab sosial dalam satu teks yang utuh dan bermakna.

Dimensi Manifestasi Akal Budi dalam Puisi Tema ‘Cinta Allah’

Secara keseluruhannya, analisis terhadap kesemua 14 puisi mendapati bahawa tema ‘Cinta Allah’ dalam kumpulan puisi ini dizahirkan dalam lima dimensi seperti dalam Jadual 5 berikut. Setiap dimensi mencerminkan manifestasi akal budi Melayu-Islam secara menyeluruh dalam puisi Melayu bergenre Islamik.

Jadual 5: Dimensi Manifestasi Akal Budi dalam Puisi Tema ‘Cinta Allah’

Dimensi	Puisi	Manifestasi Akal Budi
Tauhid Makrifatullah	dan P1, P5, P6, P7, P8, P9, P12	Cinta bermula dengan mengenal Allah melalui sifat wajib, sifat mustahil, ciptaan alam, dan Asmaul Husna
Pengabdian Kehambaan	dan P1, P13, P14	Cinta dizahirkan melalui ibadah, taat perintah, dan menjauhi larangan Allah
Kesyukuran Amanah	dan P3, P4	Cinta dizahirkan melalui rasa syukur atas nikmat dan menjaga amanah Allah
Khalifah dan Tarbiah Diri	P2, P6, P10, P11	Cinta merupakan dorongan kepada manusia dalam memanfaatkan diri dan berbakti sebagai khalifah
Akhlak dan Dakwah	P2, P13, P14	Cinta melahirkan akhlak mulia dan semangat menyebarkan kebaikan

Jadual 5 tersebut menunjukkan lima dimensi manifestasi akal budi dalam koleksi puisi yang dikaji. Dimensi pertama, Tauhid dan Makrifatullah (P1, P5, P6, P7, P8, P9, P12), merupakan dimensi yang paling menyerlah dalam kumpulan puisi kajian yang membuktikan bahawa cinta kepada Allah dalam pandangan pengarang bermula dengan mengenal Allah (makrifatullah) secara mendalam, sama ada melalui penghayatan sifat wajib dan sifat mustahil Allah, bertafakur terhadap keindahan ciptaan alam, mahupun penghayatan terhadap Asmaul Husna. Dimensi kedua, Pengabdian dan Kehambaan (P1, P13, P14), menzahirkan cinta melalui ibadah, ketaatan kepada perintah Allah, dan penghindaran daripada segala larangan-Nya memperlihatkan bahawa cinta yang benar bukan sekadar perasaan, tetapi menuntut perlakuan nyata dalam bentuk pengabdian yang menyeluruh. Dimensi ketiga, Kesyukuran dan Amanah (P3, P4) pula, menzahirkan cinta melalui rasa syukur atas nikmat Allah iaitu nikmat pancaindera mahupun nikmat masa serta menjaga segala amanah yang dianugerahkan oleh Allah daripada sebarang bentuk penyalahgunaan.

Manakala dimensi keempat, Khalifah dan Tarbiyah Diri (P2, P6, P10, P11), menunjukkan bahawa cinta kepada Allah dalam koleksi ini tidak bersifat pasif, sebaliknya menggerakkan manusia kepada usaha aktif dalam memanfaatkan diri dan berbakti sebagai khalifah di muka

bumi sebagai suatu gaya hidup yang menuntut manusia berusaha, berfikir, dan bertindak secara bertanggungjawab. Akhir sekali, dimensi kelima, Akhlak dan Dakwah (P2, P13, P14), melengkapi keseluruhan spektrum cinta dengan menzahirkan bahawa cinta yang benar kepada Allah sememangnya melahirkan akhlak mulia dan semangat menyebarkan kebaikan kepada sesama manusia. Kelima-lima dimensi ini secara kolektifnya membuktikan bahawa “Cinta Allah” dalam *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah* karya Hilmi Rindu menunjukkan multidimensi yang diserlahkan menerusi manifestasi akal budi yang menyeluruh dan bersepadu untuk mengenal Allah (ilmu), mengabdikan diri (agama), bersyukur (emosi), memanfaatkan diri (pemikiran), dan menyebarkan kebaikan (gaya hidup dan budaya) dalam satu tema “Cinta Allah” yang harmoni dan utuh, selaras dengan teras akal budi yang dihuraikan oleh Aminudin Mansor (2012).

Kesimpulan

Allah karya Hilmi Rindu merupakan teks sastra Islamik yang kaya dengan manifestasi akal budi Melayu-Islam. Analisis bersepadu berdasarkan kerangka konsep dan teori kajian ini mendapati bahawa elemen Agama, Falsafah, dan Pemikiran hadir secara menyeluruh dalam kesemua empat belas puisi yang membuktikan bahawa koleksi ini berpaksi kepada *worldview* Islam-Melayu yang menyatukan akal, budi, dan ilmu. Teori Pengkaedahan Keagamaan menerusi pendekatan dakwah, kemasyarakatan, dan seni telah mengesahkan ciri al-adab al-multazim (Siddiq Fadzil, 2012) yang menyatukan keindahan seni dengan kedalaman akidah dan tanggungjawab nilai moral dalam puisi yang dikaji. Tema ‘Cinta Allah’ pula terbukti bukan berdimensi tunggal (tauhid semata-mata), sebaliknya dizahirkan melalui lima dimensi manifestasi akal budi yang menyeluruh iaitu Tauhid dan Makrifatullah, Pengabdian dan Kehambaan, Kesyukuran dan Amanah, Khalifah dan Tarbiah Diri, serta Akhlak dan Dakwah yang memperlihatkan bahawa cinta kepada Allah dalam koleksi puisi ini menuntut tindakan nyata yang merangkumi mengenal Allah, mengabdikan diri, bersyukur, memanfaatkan diri, dan menyebarkan kebaikan.

Secara tidak langsung, kajian ini telah memberikan sumbangan kepada bidang pengkajian sastra Melayu Islamik. Kajian ini telah memperkenalkan pendekatan analisis bersepadu berdasarkan kerangka konsep dan teori kajian yang terbukti berkesan dalam menyerlahkan manifestasi akal budi pada lapisan makro dan mikro secara serentak sekaligus menyumbang kepada metodologi yang boleh direplikasi dalam kajian-kajian teks sastra Islamik akan datang. Kajian ini juga mengisi kelompondan dalam kajian puisi remaja Islamik yang selama ini kurang mendapat perhatian sewajarnya, membuktikan bahawa teks puisi yang ditujukan kepada remaja mampu memanifestasikan akal budi Melayu-Islam pada tahap yang mendalam dan menyeluruh. Selain itu, kajian ini turut memperkaya pemahaman tentang konsep “Cinta Allah” sebagai konstruk akal budi yang menyepadukan dimensi tauhid, akhlak, ilmu, gaya hidup; dan bukan sekadar tema dakwah atau kerohanian semata-mata. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah* mempunyai potensi untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan dalam membentuk akal budi generasi muda yang berilmu, berakhlak, dan beragama. Selaras dengan perbilangan adat iaitu “*adat bersendikan hukum, hukum bersendikan syarak, syarak bersendikan kitabullah.*”

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Norazita Che Din bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Amirah Ahmad dan Nurrisammimayantie Ismail mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Nor Azita Che Din dan Sri Qamariah Mohd Samsir menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Al-Quran al-Karim. (t.t) (Abdullah Muhammad Basmeih, Penterjemah). *Quran.com*.
<https://quran.com/>
- Abang Patdeli Abang Muhi. (2018). Akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13(1), 28-41.
- Aminudin Mansor. (2012). *Akal Budi Melayu dalam Pantun dan Sajak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. SAGE Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2011). *The SAGE handbook of qualitative research*. SAGE Publications.
- Hairul Anuar Harun & Mohd Azam Sulong. (2023). Akal budi Melayu dalam karya M.Nasir. *Jurnal Peradaban Melayu*, 2(18), 10-26. <https://doi.org/10.37134/peradaban>
- Hashim Awang. (1999). Teori sastra sendiri: Pengkaedahan Melayu. Dlm. *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*, Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Hotel The Summit USJ 1, 6-8 Disember 1999.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. (2015). Akal budi Melayu dalam Mantera: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu*, 14(2), 260-273.
- Hilmi Rindu. (2015). *Kumpulan Puisi Remaja: Cinta Allah*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ilhami Rusyda Zamadi, Nur Alyaa Farizan & Nur Farahin Ilias. (2024). Aspek pendidikan dalam syair Melayu Islam: Analisis syair Raja Ali Haji. Dlm. *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5*, 20-23 Januari, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Kartini Anwar. (2008). Raja Ali Haji: Suatu kajian mengenai pemikiran dan kepengarangannya (Raja Ali Haji: A study on his thoughts and authorship) [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. National Institute of Education, Nanyang Technological University.
<https://doi.org/10.32658/10497/2436>
- Khafizatunnisa' Jaapar, Atiratun Nabilah Jamil, Nurhidayah Muhamad Sharifuddin, Fathiah Fathil, Ahmad Bakhtiar Jelani, Ahmad Firdaus Mohd Noor & Abd Nasir Haji Musa. (2023). The values of manners and 'akhlak' contained in Malay poetry. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(52), 588-597.
- Mohd. Daud Ibrahim. (2015). *Cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohamad*. [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Taufiq Abd. Talib, Pabiyah Hajimamin@Tok Lubok & Wan Muhammad Wan Sulong. (2025). Prinsip nilai Islam dalam Imam (Abdullah Hussan, 1995): Analisis tekstual berasaskan kerangka Najib Al-Kilani. *Malaysian Journal of Islamic Studies*, 9(2), 81-92.
<https://doi.org/10.37231/mjis.2025.9.2.307>
- Muhd. Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. (2016). Traditional Malay Literature and the Generation of Knowledge. *Pertanika Journal, Social Sciences & Humanities*, 24(S), 87-96.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 89-97.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. (2015). Pemikiran Islam dalam 'Ayn karya Kemala. *Jurnal Melayu*, 14(2), 240-259.

- Romlah Ramli. (2013). Culturally appropriate communication in Malaysia: budi bahasa as warranty component in Malaysian discourse. *Journal of Multicultural Discourses*, 8(1), 65–78. <https://doi.org/10.1080/17447143.2012.753895>
- Sibarani, Robert. (2012). *Kearifan Lokal, Hakikat, Peran, dan Medote Tradisi Lisan*. Asosiasi Tradisi Lisan.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Supyan Hussin. (24 Februari 2019). *Akal budi Melayu – Konsep dan amalan dalam pembangunan negara bangsa*. Cakna Negara 1.0, Kelana Jaya, Selangor.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). Akal budi orang Melayu menerusi cerita-cerita rakyat. *Jurnal PENDETA*, 14(2), 56-70.